# MPKj catat 3,310 denggi

SINAR HARIAN (31/03/2019) M/S 35

*11 hotspot dikenal pasti membabitkan enam kematian*

AHMAD ISMADI ISMAIL

KAJANG

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mencatatkan peningkatan sehingga 3,310 kes denggi melibatkan enam kematian tahun ini.

Kes berkenaan dicatatkan dalam tempoh tiga bulan berbanding 1,206 kes dalam tempoh sama dengan empat kematian tahun lalu.

Timbalan Yang Dipertua MPKj, Najmuddin Jemain berkata, beliau memandang serius mengenai peningkatan kes itu.

"Berdasarkan maklumat yang kami terima sebanyak 11 lokaliti hotspot telah dikenal pasti termasuk tiga hotspot terbaru di bawah pentadbiran MPKj," katanya.

Beliau berkata, kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat perlu dipertingkatkan lagi dalam menyelia kes denggi di kawasan terbabit.

"Kes denggi masih terkawal, faktor cuaca turut menyumbang kepada peningkatan kes ini," katanya.

Najmuddin memberitahu, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini mencadangkan untuk melaksanakan gotong-royong perdana yang melibatkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor.



ADUN Semenyih, Zakaria Hanafi hadir sebagai pemerhati pada mesyuarat MPKj Bil 3/2019, kelmarin.

**info**

**Gotong-royong perdana dijadualkan berlangsung pada 21 April membabitkan PBT Selangor**

"Menteri KPKT Zuraida Kamaruddin akan melancarkan program gotong-royong perdana itu di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Bagaimanapun, katanya MPKj akan melaksanakan gotong-royong membabitkan penduduk setempat pada 21 April depan.